

GSMA Umum Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih 2009

Hong Kong Menjadi Tuan Rumah Bagi Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih Tahunan Ke-6

LONDON, 4 Jun /PRNewswire/ --

GSMA hari ini mengumumkan bahawa Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih 2009 akan diadakan pada 18-19 November 2009 di Hong Kong Convention and Exhibition Centre. Di bawah tajuk "Inspiring the Mobile Future", Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih 2009 bakal menyatukan kepimpinan operator komunikasi mudah alih Asia dan pemain utama dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas melalui forum eksklusif bagi berkongsi visi dan strategi yang bakal membentuk masa depan komunikasi mudah alih.

"Pasaran komunikasi mudah alih Asia berada di barisan depan bagi inovasi dalam teknologi, aplikasi, perkhidmatan dan strategi perniagaan," kata John Hoffman, CEO, GSMC Limited. "Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih 2009 menyediakan platform bagi menyerlahkan kekuatan dan kejayaan industri komunikasi mudah alih Asia di pentas dunia."

Sepanjang tempoh dua hari, sekitar 1,000 orang eksekutif industri komunikasi mudah alih kanan dari seluruh Asia dan dunia bakal menghadiri acara kepimpinan elit ini, yang bakal meneroka bidang industri yang berkembang pesat, tajuk-tajuk yang baru muncul dan tulang belakang isu strategik dan teknologi, dengan penekanan diberi terhadap pembangunan dalam pasaran Asia.

Selain dari pameran produk yang menampilkan teknologi komunikasi mudah alih dan penyelesaian utama, Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih tahunan ke-6 ini bakal menawarkan kepada para hadirin peluang rangkaian dan pembangunan perniagaan yang penting. Tambahan lagi, GSMA turut akan mengadakan Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia 2009 yang mengiktiraf pertumbuhan, inovasi dan kepimpinan cemerlang di pasaran komunikasi mudah alih Asia.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih, sila layari <http://www.mobileasiacongress.com/>. Panggilan untuk Kertas Cadangan bagi peluang berucap di Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih 2009 kini dibuka; maklumat lanjut boleh didapati dari <http://www.mobileasiacongress.com/cfp/>

Berkenaan GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 buah negara, GSMA menyatukan lebih dari 750 buah operator komunikasi mudah alih dunia, serta 200 syarikat dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi hiburan dan media. GSMA fokus dalam menginovasi, merangsang dan mencipta peluang baru bagi keahliannya, semuanya dengan matlamat akhir untuk memacu perkembangan industri komunikasi mudah alih. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari <http://www.gsmworld.com>

SUMBER GSMA

PERHUBUNGAN: Daniel Lowther, +44 7747 636 687, atau Richard Fogg, +44 7887 845 236, kedua-duanya dari GSMA, press@gsm.org